

SEMPENA ULANG TAHUN UTUSAN MELAYU KE-80

1939-2019
PERJUANGAN &
PENGORBANAN

BUKUKAN DARI DOKUMENTASI
TERIMA
09 AUG 2019
U.R.D
M.B.P.J.

49 tahun MAS bawa jemaah haji

Oleh MOHD. SAIFUL SAHAK
pengarang@utusan.com.my

PENGALAMAN jemaah haji menunaikan ibadat haji ke tanah suci Mekah menggunakan kapal laut dan terpaksa bertukar kapal di pelabuhan tertentu sebelum beralih kepada pengangkutan udara, terus terpahat dalam lipatan sejarah negara ini.

Kepercayaan umat Islam ketika itu demi melaksanakan rukun Islam kelima sehingga meninggalkan ahli keluarga dan sanak saudara berbulan-bulan lamanya, bergolok-gadai dan menghadapi risiko kehilangan nyawa sekiranya kapal dinaiki dilanda ribut atau karam di tengah lautan.

Namun itu semua hanya tinggal kenangan apabila Lembaga Tabung Haji (TH) yang



ROMBONGAN jemaah haji pertama pulang ke tanah air turun dari pesawat MH4161 di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur pada 31 Julai 1988.



SEBAHAGIAN daripada jemaah turun daripada pesawat Airbus A380 yang digunakan untuk membawa jemaah haji dari Malaysia ke Madinah pada 8 Julai lalu.

ditubuhkan telah memperkembangkan sistem penerbangan kapal terbang sepenuhnya pada 1976 sebagai tahun terakhir jemaah haji menggunakan kapal laut.

Penggunaan kapal laut telah dibuat sejak 1961 sehingga 1976. Antara 1970 sehingga 1976 kedua-dua perkhidmatan kapal laut dan kapal terbang dilaksanakan serentak dan pada 1977 perkhidmatan kapal laut ditamatkan perkhidmatan oleh TH.

Menerusi sistem penerbangan baharu yang dilaksanakan sepenuhnya itu, urusan TH untuk menghantar jemaah menunaikan ibadah di tanah suci dengan menaiki kapal terbang menjadi lebih mudah, selesa dan menjimatkan masa

perjalanan.

Lebih penting, jika dahulu pelayaran menggunakan kapal laut mengambil masa kira-kira dua minggu tetapi dengan kapal terbang ia hanya antara lapan hingga sembilan jam sahaja untuk tiba sama ada Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, Jeddah atau Lapangan Terbang Putera Mohammad Abdulaziz, Madinah

Syarikat penerbangan Malaysia Airlines Bhd. (MAS) dipertanggungjawabkan oleh kerajaan Malaysia dan Tabung Haji bagi mengendalikan jemaah haji dengan penerbangan pertama berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur ke Jeddah dan Madinah, Arab

Saudi pada 1970. Tahun ini genap 49 tahun MAS memberi perkhidmatan kepada jemaah Malaysia menunaikan haji setiap tahun.

MAS juga diberi kepercayaan mengendalikan penerbangan pengantara menggunakan pesawat miliknya untuk membawa jemaah haji dari Alor Setar, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuching, Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur.

TABUNG HAJI PILIH MAS

Akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 30 Jun 2015 menyiarkan berita bertajuk *Tabung Haji pilih MAS bawa jemaah haji ke tanah suci* melaporkan, Tabung Haji memeterai

perjanjian dengan MAS bagi mendapatkan perkhidmatan 78 penerbangan sewa khas membawa jemaah haji ke tanah suci Mekah pada musim haji ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji ketika itu, Tan Sri Ismee Ismail berkata, pihaknya amat menitikberatkan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji Malaysia dan MAS telah meneruskan perkhidmatan cemerlang selama ini sejak 1970.

“Pada 2015, sebanyak 78 penerbangan sewa khas MAS meliputi penerbangan pergi dan balik menggunakan pesawat B777-200 akan membawa jemaah kita ke tanah suci.

“Penerbangan sewa khas itu akan berlepas ke tanah suci dalam dua peringkat yang bermula dari 16 Ogos hingga 16 September bagi peringkat pertama manakala 29 September hingga 28 Oktober bagi peringkat kedua.

Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Pengurus Besar Kanan Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman bersama Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia Tabung Haji, Mohd. Hisham Harun dan Ketua Pegawai Eksekutif MAS ketika itu, Christoph Mueller.

Jelas Ismee yang juga Ketua

DALAM NEGERI



Malaysia perintis prapelepasan jemaah haji

MALAYSIA PERINTIS prapelepasan jemaah haji ke tanah suci Mekah pada musim haji ini. Perkhidmatan prapelepasan jemaah haji ke tanah suci Mekah pada musim haji ini akan dilaksanakan oleh Tabung Haji dan MAS. Perkhidmatan ini akan membolehkan jemaah haji Malaysia untuk berlepas ke tanah suci Mekah dengan lebih mudah dan selesa. Perkhidmatan ini akan dilaksanakan pada musim haji ini.



UTUSAN Malaysia menyiarkan berita Malaysia perintis prapelepasan jemaah haji di Kompleks Tabung Haji Sepang, Selangor pada 14 Julai 2018.

Pegawai Eksekutif Tabung Haji, penerbangan sewa khas itu akan disediakan di tujuh negeri seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Terengganu, Alor Setar, Kota Kinabalu dan Sarawak.

Sementara itu, Mueller berkata, MAS bersama Tabung Haji komited untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada jemaah di darat mahupun dalam penerbangan.

“Kami amat berbesar hati kerana terpilih untuk kerjasama operasi haji ini dan gembira segala usaha telah mencapai standard yang diharapkan,”katanya.

Sumber: Pusat Maklumat Utusan

MOMEN & MEMORI



PERDANA Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj mengucapkan selamat jalan kepada jemaah haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur pada 1970.